

**Penterjemah Pintar 2023**

**19 Mei 2023**

**YDP Nassar Mohamad Zain, 4PM**

**Kata Aluan Pembukaan Acara**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu,

Izinkan saya untuk mulakan dengan serangkap pantun:

*Melayang serindit di atas permatang,  
Merbah berkicau di hujung muara.  
Pemanis kata selamat datang,  
Awal Bismillah pembuka bicara.*

Rakan Bahasa 2023 dan guru-guru sekalian.

Para pengadil; Cikgu Jamalludin Affandi, Cikgu Zulhafiz Zainal, Saudari Siti Sabarina, dan Saudara Fadhli Rusydi.

Ahli-ahli Majlis Bahasa Melayu Singapura  
Ahli-ahli Jawatankuasa Bulan Bahasa, dan  
Ahli Jawatankuasa Penterjemahan Nasional, Encik Sujadi Siswo.

Selamat sejahterah.

1. Terlebih dahulu, saya berasa terhormat dan berbesar hati dapat berdiri di sini pada hari ini untuk memberikan ucapan pembukaan yang singkat namun bermakna untuk peraduan Penterjemah Pintar 2023. Bagi pihak penganjur, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah meluangkan masa untuk memeriahkan acara gemilang Penterjemah Pintar 2023.
2. Sekalung penghargaan kepada Jawatankuasa Penterjemahan Nasional (NTC) atas tajaan pertandingan ini. Tidak lupa juga kepada Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) di atas sokongan dan penajaan tempat, terima kasih.
3. Sempena sambutan tahunan Bulan Bahasa, Rakan Bahasa kita kini diberikan peluang untuk menyertai pelbagai acara dan program seperti yang dianjurkan hari ini, pertandingan Penterjemah Pintar.

4. Penterjemah Pintar dianjurkan buat pertama kalinya pada tahun 2019 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) yang telah bekerjasama dengan guru-guru Bahasa Melayu dari Sekolah Rendah Oasis. Pertandingan ini adalah salah satu inisiatif dan usaha untuk memupuk penguasaan dwibahasa dalam kalangan Rakan Bahasa dari sekolah rendah. Hari ini, seramai 60 pelajar dari 30 sekolah bersaing dalam Penterjemah Pintar 2023.
5. Oleh kerana pertandingan Penterjemah Pintar berlangsung secara maya pada tahun 2020 dan 2022, saya percaya para hadirin sekalian disini sama sekali berasa teruja kerana dapat meriahkan acara ini secara fizikal di Perpustakaan Wilayah Woodlands.
6. Dalam pertandingan ini, para Rakan Bahasa kita ditantang untuk menterjemahkan kata-kata dan frasa Inggeris ke Bahasa Melayu. Keupayaan berdwbahasa memerlukan kemahiran berkomunikasi termasuk membaca, berbicara dan mendengar. Ia juga menguji kelenturan para peserta kerana harus menjawab soalan-soalan penterjemahan dalam masa yang terhad.
7. Tahun ini, Empat PM dijemput untuk bekerjasama dengan MBMS dan Jawatankuasa Bulan Bahasa untuk menganjurkan Penterjemah Pintar 2023. Bagi Pihak Empat PM, kami berbesar hati atas peluang ini dan kepercayaan yang diberikan kepada Empat PM, terima kasih MBMS dan Jawatankuasa Bulan Bahasa atas kerjasama semua.
8. Di Empat PM, kami berusaha untuk menghasilkan program-program dan pertandingan sebegini yang bermanfaat untuk memaksimumkan potensi para peserta dari segi akademik dan juga dengan niat untuk melestarikan bahasa Melayu dan bahasa ibunda kita.
9. Sehubungan dengan itu, terdapat banyak kajian yang terkini mendapati, langkah memulakan penggunaan dwibahasa di usia muda amat membantu. Inisiatif sebegini amat bermanfaat untuk para pelajar kerana dapat memupuk kemahiran berdwbahasa. Ia melengkapkan kita dengan keupayaan untuk berkongsi, memberi kelebihan daya saing, menghargai dan menghimpunkan perspektif berbeza.

10. Terutama lagi, Kedwibahasaan adalah antara tunggak pendidikan di Singapura dan penggunaan dwibahasa adalah salah satu dasar Singapura yang paling asas.
11. Selain itu, kajian oleh Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura, mendapati bahawa dibandingkan dengan kaum-kaum yang lain, masyarakat melayu Singapura dinilai sebagai komuniti yang fasih berdwibahasa dan bertutur dalam kedua-dua bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.
12. Sememangnya sebagai sebuah negara yang moden dan pragmatis kita perlu ada keupayaan untuk berbicara dan bertutur dalam Bahasa Inggeris. Tapi dalam masa yang sama kita juga ingin mengekalkan identiti dan juga mengadakan sesuatu kaitan pada kebudayaan dan tradisi kita. Justeru, penting untuk kita menggalakkan kedwibahasaan.
13. Sudah tentunya mempelajari dua bahasa tidaklah mudah, terutamanya penterjemahan. Mungkin ada di antara Rakan Bahasa kita akan merasa soalan-soalan pertandingan nanti sukar dan mencabar untuk dijawab. Namun bak pepatah "*alah bisa tegal biasa*" - perkara yang sudah biasa dilakukan tidak akan terasa lagi kesukarannya, malah menjadi lebih selesa untuk terus melakukannya.
14. Mari kita semua mengambil kesempatan ini untuk mengingat kepentingan kerjasama seluruh masyarakat kita, tidak kira ibu-bapa atau guru-guru, untuk bertekad membangunkan and teruskan usaha untuk berdwibahasa dan melestarikan penggunaan bahasa kita yang amat terindah.
15. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada para penganjur, dan semua hadirin atas kesudian hadir ke Penterjemah Pintar 2023. Saya harap pertandingan Penterjemah Pintar akan menggalakkan Rakan Bahasa kita hari ini untuk mengekalkan lagi penggunaan dwibahasa. Mari kita semua memberi semangat dan sokongan kepada rakan-rakan bahasa kita, semoga berjaya!
16. Saya kembalikan acara ini kepada Pengacara.
17. Terima kasih.

## **ENGLISH VERSION:**

1. Thank you for giving me the honour to grace the opening of Penterjemah Pintar 2023.
2. On behalf of the organisers, we would like to express our appreciation towards the National Translation Committee (NTC) for funding today's competition. To National Library Board (NLB), thank you for your support and sponsoring today's competition venue.
3. As part of the annual celebration of Bulan Bahasa, our Rakan Bahasa here today are given opportunities to participate in various events and programs that allow them to hone their abilities and skills while experiencing the beauty of our Malay Language. One of such programs includes today's Penterjemah Pintar Competition, which was first organised by Malay Teachers for our Rakan Bahasa in Primary schools.
4. Started in 2019 which was held physically, the past two competitions in 2020 and 2023 were conducted virtually. Therefore, I believe I would be speaking on behalf of everyone that's gathered here today on how excited we are to be here at Woodlands Regional Library today and partake in Penterjemah Pintar 2023, physically.
5. Through this competition, our Rakan Bahasa are challenged to translate English words and phrases to Malay. This process of translating requires communication skills including reading, speaking and listening. It also tests one's agility and taps on the concept of transfer learning as they have to translate it within a limited time.
6. This year, Empat PM was invited to collaborate together with Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) and Bulan Bahasa Committee Bulan Bahasa Committee, to organise Penterjemah Pintar 2023. On behalf of Empat PM, we would like to express our utmost gratitude for allowing us to be a part of today's significant event.
7. At Empat PM, we endeavour towards maximising the potential of youths academically. Part of today's education journey, it is essential to keep Singapore's bilingualism edge as

being able to translate effectively between languages such as Malay and English is a skill that will put one at a competitive advantage and broaden one's mind.

8. According to research done by the Singapore University of Social Science, our Malay community has been ranked as the most well-poised bilingual group in Singapore - having the highest literacy in both English and Malay Language. And what better way there is to uphold and maintain this, other than to instil effective bilingualism in our young and expose them to such competitions like today.
9. Let us also take this opportunity to remember that it takes a village and a community to remain homogenous and united in our culture. This, I believe, will help us to entrench our native language and promote healthy translating habits on a daily basis.
10. To many of us, translation may be tedious and perhaps some of you may find some of the questions in today's competition challenging, however as the malay proverb goes "*alah bisa tegal biasa*", which conveys that the more you practise and do something, the less challenging it gets.
11. With that, I would like to thank everyone for being here today, cheering on our Rakan Bahasa. To our Rakan Bahasa, I would like to wish all of you the best of luck, do not give up and most importantly, have fun!
12. Thank you.